

03/09/1998

Anwar dilucut jawatan (HL)

in

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim digugurkan daripada Kabinet, berkuatkuasa jam 5.30 petang ini.

Berikutan itu, Anwar, 51, kehilangan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta semua kedudukannya yang berkaitan kedua-dua jawatan itu.

Kenyataan tiga perenggan Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan menerusi Bernama lewat petang ini menyatakan, Yang di-Pertuan Agong sudah dimaklumkan mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak memberi sebab berhubung pemecatan berkenaan. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menjelaskan perkembangan itu, esok.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang sebelum ini dijadualkan pada 8 September, akan diadakan jam 8 malam esok. Difahamkan, mesyuarat itu akan memutuskan sama ada Anwar digantung keahliannya atau dipecat.

Berikut ialah kenyataan penuh Jabatan Perdana Menteri mengenai pengguguran Anwar daripada Kabinet:

"Adalah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, serta juga jawatan-jawatan lain yang dipegang oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar berkaitan dengan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Pelucutan jawatan-jawatan ini berkuatkuasa pada hari ini, 2 September 1998 mulai jam 5.30 petang.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telahpun dimaklumkan mengenai pelucutan jawatan berkenaan."

Sejak akhir-akhir ini, Anwar dikaitkan dengan beberapa isu termasuk dakwaan kononnya terbabit dalam skandal seks, yang disebarkan melalui surat layang dan buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tak Boleh Jadi PM.

Pada 31 Julai lalu, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan Anwar mendapat perintah menghalang penulis buku itu, Abdul Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah, dan penerbit buku berkenaan daripada terus memfitnahnya, sehingga mahkamah memutuskan kes saman malunya.

Pada 13 Ogos lalu, Khalid Jafri dihadapkan di Mahkamah Sesyen atas tuduhan menulis berita palsu. Perbicaraan kes itu ditetapkan pada 7 hingga 11 Disember ini.

Sementara itu, kediaman rasmi Anwar di Bukit Damansara dikunjungi penyokong, anggota Pergerakan Pemuda Umno, ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), wartawan serta jurugambar tempatan dan asing sejak awal petang ini apabila tersebar berita beliau mungkin meletak jawatan.

Surat mengenai pelucutan jawatannya dipercayai disampaikan kepada beliau jam 5.30 petang.

Ketika berucap kepada hadirin di rumahnya kira-kira jam 8.45 malam, Anwar meminta penyokongnya bertenang dan jangan mengambil sebarang tindakan yang melanggar undang-undang.

Sambil menyifatkan dirinya mangsa konspirasi politik, Anwar berkata beliau mungkin ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau Akta Rahsia Rasmi (OSA) pada malam ini atau esok.

"Percayalah, sama ada malam ini atau malam esok, saya akan diambil. Saya mahu pemergian saya tidak ditahan," katanya sambil meminta penyokongnya melepaskan beliau sebagai pejuang.

Sebelum itu, kira-kira jam 7.30 malam, anggota Unit Simpanan Persekutuan

tiba untuk mengawal lalu lintas. Kelihatan memasuki kediaman rasmi Anwar kira-kira jam 8.30 malam ialah Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Alias.

Sekumpulan pelajar yang mendakwa mereka dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa turut berada di sana, dipercayai dipanggil oleh Institut Kajian Dasar.

(END)